



JOHOR BAHRU

Kebanggaan Jauhar Selatan

The Southern Jewel Pride





Johor Bahru

Kebanggaan Jauhar Selatan

The Southern Jewel Pride


HAK CIPTA TERPELIHARA.

Sebarang bahagian dalam penerbitan buku ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Dicetak untuk dilancarkan pada 31 Disember 2016.

ISBN : 978-967-14719-0-6



Waktu petang pergi memburu,
Memburu rusa di dalam hutan,
Selamat datang ke Johor Bahru,
Bandar raya kebanggaan jauhar selatan.





Visi MBJB

Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf
Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari

Misi MBJB

1. Mengukuhkan peranan organisasi sebagai pemacu dan pemudahcara strategik untuk semua pihak berkepentingan.
2. Memastikan pembangunan bandar raya yang mampan, sejahtera dan makmur serta tinggi jati diri budaya.
3. Menyediakan sistem penyampaian yang cekap, tadbir urus berkredibiliti tinggi, pengurusan sumber yang berkesan dan teknologi berinovasi untuk manfaat warga bandar raya.

Kandungan

PERUTUSAN

SEKAPUR SIRIH

i

SEULAS PINANG

ii

JOHOR BAHRU GERBANG SELATAN 'SOUTHERN GATEWAYS'

iii

SEJARAH

1

- **Lembaga Bandaran** 12
- **Majlis Bandaran Johor Bahru** 14
- **Majlis Perbandaran Johor Bahru** 16
- **Majlis Bandaraya Johor Bahru** 18

DAYA TARIKAN

11

- **Ikon Johor Bahru** 37
- **Warisan Bersejarah** 55
- **Rekreasi** 87
- **Pusat Membeli-belah** 105

SELERA BANGSA JOHOR

113

PENGINAPAN DAN HOSPITALITI

135

PUSAT KEWANGAN DAN PERNIAGAAN

147

TRANSFORMASI JOHOR BAHRU

173

SEKALUNG BUDI

186

SIDANG EDITORIAL

187

Perutusan Menteri Besar Johor

Bismillahirrahmanirrahim.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Pertamanya sukalah saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah, kurnia dan izin-Nya, dapat saya menyampaikan sepatah dua kata dalam buku berjudul '**Johor Bahru: Kebanggaan Jauhar Selatan, The Southern Jewel Pride**'. Izinkan saya dalam kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru kerana berjaya menerbitkan rakaman kemajuan bandar raya Johor Bahru yang telah berusia 22 tahun ini.

Bandaraya Johor Bahru telah sekian lama menempa nama dalam sejarah negeri. Di sinilah bermulanya sejarah Johor moden dan pembangunan bandar raya ini telah mencerminkan wajah '**Johor Berkemajuan**'. Johor Bahru telah menjadi manifestasi dan saksi kepada pembangunan bandar raya bertaraf antarabangsa, mampu menerima persaingan ekonomi global dan menghadapi pelbagai cabaran. Ini dapat dibuktikan apabila bandar raya ini berjaya menyediakan persekitaran kehidupan bandar yang kondusif dan mapan.

Johor Bahru yang terletak di pintu 'Gerbang Selatan' mempunyai pelbagai kelebihan yang membolehkan untuk melaksanakan pelbagai Program Transformasi untuk memangkinkan semula peranan bandar raya ini untuk menjadi kota pilihan untuk didiami, menjadi tarikan utama pelancong, menjadi pusat pelaburan dan menyediakan pelbagai peluang perniagaan serta menyediakan tenaga kerja yang profesional dan mahir.

Saya yakin dan percaya bahawa bandar raya Johor Bahru akan muncul sebagai sebuah kota berwajah baru yang bukan sahaja bersih dan indah, malah kekal selamat, kondusif dan berimej tinggi.

Sekian, terima kasih.



Dato' Mohamed Khaled bin Nordin
Menteri Besar Johor



Sekapur Sirih Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Bersyukur saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat menatap sebuah naskhah yang sangat penting dalam konteks dokumentasi dan sejarahnya. Sebuah naskhah yang menyimpan sejumlah maklumat berkaitan pembangunan bandar raya Johor Bahru dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Setinggi-tinggi tahniah saya ucapan kepada penulis dan sidang penerbitan naskhah berjudul '**Johor Bahru: Kebanggaan Jauhar Selatan, The Southern Jewel Pride**' ini. Saya yakin, tanpa komitmen jitu dan ketekalan yang padu mustahil sebuah buku yang indah ini berada di hadapan kita.

Majlis Bandaraya Johor Bahru sudah melangkah jauh seiring dengan kepesatan pembangunan bandar raya Johor Bahru ini sendiri. Sebahagian warga Johor Bahru tentu sudah dapat merasakan kesan langsung kemajuan yang dikecapi ini termasuklah kelengkapan kemudahan yang disediakan; merangkumi prasarana yang sempurna di setiap 'sosok' bandar raya ini. Daripada kemudahan asas seperti jalan raya sehingga ke kemudahan teknologi meliputi rangkaian 'wifi' percuma di kawasan terpilih.

Kemudahan yang kini merupakan satu keperluan bagi setiap penduduk bandar raya Johor Bahru seperti taman rekreasi dan riadah, membuktikan MBJB membangun dan menyediakan infrastruktur yang teratur serta seimbang. Hal ini selari dengan hasrat kerajaan negeri dalam matlamat 'Johor Berkemajuan' dengan meletakkan warga kota pada wajah yang luhur dan sihat.

Peningkatan tanda aras bandar raya Johor Bahru yang diyakini menarik lebih ramai pelancong dengan penyediaan penginapan seperti hotel, pusat membeli-belah, tapak bersejarah, keselamatan yang dijamin dan bandar raya bersih memangkin keselesaan yang kondusif.

Melalui penghasilan buku ini, diharapkan rakaman terancang pembangunan bandar raya Johor Bahru dapat dibaca dan difahami, serta sudah semestinya bandar raya Johor Bahru diangkat sebagai 'abang sulung' atau contoh kepada daerah-daerah lain dalam penstrukturran bandar yang terancang.

Sekian, terima kasih.

DATUK HAJI ABD LATIF BIN HAJI BANDI
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan



Seulas Pinang Datuk Bandar Johor Bahru

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Muafakat Johor.

Syukur alhamdulillah, saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku berjudul '**Johor Bahru: Kebanggaan Jauhar Selatan, The Southern Jewel Pride**' ini berjaya diterbitkan.

Penerbitan buku ini bertujuan untuk menyediakan maklumat mengenai bandar raya Johor Bahru sekali gus mengetengahkan potensi yang ada untuk pengetahuan pelancong, pelabur, peniaga dan ekspatriat di bandar raya ini.

Buku ini mengandungi beberapa segmen antaranya sejarah, daya tarikan, perdagangan dan nilai budaya setempat yang pastinya bermanfaat buat para pembacanya. Segala maklumat ini diadun dan ditulis berkonsepkan bacaan ringan, namun memaparkan aspek penting keistimewaan bandar raya Johor Bahru.

Sebagai pihak berkuasa tempatan, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kita untuk memperelok bandar, mengekalkan nilai-nilai warisan, memperindah lorong dan jalan, serta mempromosikan apa yang kita ada melalui penerbitan bercetak, media sosial, dan lain-lain instrumen yang wajar. Sememangnya bandar raya ini mempunyai ceritera tersendiri yang boleh dibongkar untuk disebarluaskan.

Besarlah harapan saya, agar usaha pertama yang telah dilakukan ini dapat diteruskan pada masa yang akan datang dengan informasi terkini dan menarik.

Semoga usaha yang kecil ini memberikan manfaat yang besar kepada bandar raya yang menjadi kebanggaan kita semua. Selamat membaca.

Haji A. Rahim bin Haji Nin
Datuk Bandar Johor Bahru



Johor Bahru Gerbang Selatan

Southern Gateways

Pendahuluan

Coffee table book berjudul 'Johor Bahru : Kebanggaan Jauhar Selatan, The Southern Jewel Pride'. ini diterbitkan untuk memperkenalkan bandar raya Johor Bahru kepada masyarakat antarabangsa.

Buku ini merupakan jendela untuk lebih mengenali Johor Bahru terutamanya dari aspek kekayaan tradisi, warisan, masyarakat, makanan, tempat membeli-belah dan banyak lagi.



Pemandangan Tambak Johor sekitar 1930-an

Tangga Duke tambatan ternama,
Tetamu negara datang berkunjung,
Tambak Johor penghubung utama,
Pintu masuk para pelancong.

Sejarah Nama Johor Bahru



ALMARHUM TEMENGGUNG DAENG IBRAHIM

ISKANDAR PUTERI NAMA DIBERI...

Iskandar Puteri ialah nama lama bagi Johor Bahru yang telah dibuka secara rasminya oleh Temenggung Daeng Ibrahim setelah Sultan Ali Ibni Sultan Husain Syah bersetuju menyerahkan negeri Johor kecuali Kesang kepada Temenggung Daeng Ibrahim pada 10 Mac 1855.

Baginda telah memudiki Kuala Sungai Segget lalu mendarat di tebing kanan bukit Tanjung Puteri dan mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai 'Bandar Iskandar Puteri'. Di tempat inilah kemudiannya didirikan dengan rasmi sebuah batu peringatan oleh Sultan Ibrahim semasa sambutan perayaan 'Jubli Intan' pemerintahan baginda pada 1955 yang genap seratus tahun Bandar Johor Bahru dibuka.



ALMARHUM DYMM SULTAN ABU BAKAR

Kerja-kerja merintis dan membina Bandar Iskandar Puteri dijalankan dari Teluk Belanga, Singapura, tempat tinggal Temenggung dan juga tempat lahir beberapa tokoh penting dalam sejarah pembangunan Kerajaan Johor moden. Temenggung Daeng Ibrahim telah membangunkan sebuah rumah di bukit yang dikenali sebagai Bukit Bendera, yang pada hari ini dikenali sebagai Bukit Timbalan.

Bandar Iskandar Puteri semakin pesat membangun, penduduk semakin ramai dan kampung-kampung baru mula dibuka. Kegiatan-kegiatan ekonomi turut bertambah. Pada 21 Januari 1862, Temenggung Abu Bakar telah mengambil alih tumpuk pemerintahan selepas kemangkatan ayahandanya. Pada 1 Januari 1866, Temenggung Abu Bakar telah mengadakan istiadat pertukaran nama Iskandar Puteri kepada Johor Bahru seterusnya dijadikan ibu negeri Johor dan pusat pentadbiran Kerajaan Johor menggantikan Teluk Belanga.




Pemandangan Tambak Johor kini, pada waktu malam

Johor Bahru merupakan ibu negeri Johor Darul Ta'zim dan merupakan bandar raya paling selatan di Semenanjung Malaysia. Posisinya yang istimewa sebagai pintu masuk utama yang menghubungkan dua negara berjiran, Malaysia dan Singapura melalui Tambak Johor menyebabkan bandar raya ini digelar 'Gerbang Selatan' atau The Southern Gateway.

Ketersediaan infrastruktur yang baik di dalam bandar dan kepelbagaian 'mode' pengangkutan yang ada memudahkan kebolehsampaian ke bandar raya ini melalui jalan darat, udara dan air.

Selain itu, kemudahan sokongan seperti pengangkutan awam telah banyak memberi impak positif terhadap kehadiran pelancong luar dan juga penduduk setempat sendiri terutamanya yang bekerja di Singapura.

Bandar raya ini terletak kira-kira 370 km dari Kuala Lumpur dan boleh dihubungi melalui jaringan lebuhraya utara selatan.



Terminal Larkin Sentral menyediakan perkhidmatan pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas ekspres, taxi dan bas henti-henti.

Johor Bahru juga boleh dimasuki dengan menggunakan laluan udara dan mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Sultan Ismail, Senai, berjarak lebih kurang 34 kilometer dari Johor Bahru.

Tambak Johor sepanjang kira-kira 1,056 meter atau 3,465 kaki, merupakan penghubung utama Malaysia dan Singapura.

Selain itu, bandar raya ini juga dihubungkan oleh jaringan kereta api yang dikawal oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Johor Bahru Sentral (JB Sentral) merupakan stesen kereta api KTM Antarabandar yang moden yang menghubungkan Hat Yai di utara dan Singapura di selatan melalui stesen-stesen utama di Malaysia seperti Padang Besar, Alor Setar, Butterworth, Ipoh, KL Sentral, Seremban, Gemas dan JB Sentral.



8



Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) dibina untuk memastikan kawalan dan saringan dilakukan sebelum memasuki atau keluar dari sempadan negara.



JB Sentral merupakan sebuah hab pengangkutan di pusat bandar Johor Bahru yang menyediakan kemudahan pengangkutan awam seperti kereta api, bas dan teksi.

9



Pemandangan Jeti Stulang menjelang senja

Sejarah Bermulanya Majlis Bandaraya Johor Bahru



Mesra berkhidmat jujur berbakti,
Terpahat di hati janji dipadu,
Jaminan kami tingkatkan kuafiti,
Buat warga bandar raya Johor Bahru.



LEMBAGA BANDARAN (TOWN BOARD) (1910 – 1950)

Luas kawasan

12.12 kilometer persegi (1933)
13.85 kilometer persegi (1949)

Penduduk

9,358 orang (1911), 50,000 orang (1955)

Hasil

(\$27,314 (1910), \$47,370 (1914), \$764,061 (1949))

Sebelum kemasukan Penasihat Inggeris, pegawai yang menjaga Lembaga Bandaran terdiri daripada tokoh-tokoh tempatan.

Sebelum tahun 1925, kawasan pentadbiran Lembaga Bandaran merangkumi Renggam, Kluang, Sedenak, Bekok, Paloh, Batu Sepuluh Skudai dan Senai.

Pentadbiran jabatan dikendalikan oleh sebuah organisasi yang terdiri daripada Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, Pengetua Pegawai Perubatan, Ketua Pesuruhjaya Polis dan beberapa tokoh jawatankuasa.

Sumber hasil diperolehi daripada kutipan cukai harta, lesen perniagaan, permit bangunan, sewa stor, gerai, lesen kenderaan, cukai air dan lesen anjing.



Tambak Johor sekitar tahun 1930-an



Sungai Segget pada tahun 1930-an

Pejabat pos dalam tahun 1930-an



Pejabat pos dalam tahun 1930-an



MAJLIS BANDARAN JOHOR BAHRU (1950 – 1976)

Luas kawasan

48.99 kilometer persegi (1956)
68.42 kilometer persegi (1962)
80.53 kilometer persegi (1976)

Penduduk

130,000 (1970), 170,000 (1976)

Hasil

\$4,163,185 (1970), \$5,296,499 (1975)

Pilihanraya pertama Majlis Bandaran Johor Bahru telah diadakan pada 6 Disember 1952 untuk bahagian Nong Chik, Air Molek dan Tebrau. Antara Ahli Majlis yang memenangi kerusi adalah Tun Dr. Ismail bin Abdul Rahman (Tambatan) dan Tun Sardon bin Haji Jubir (Wadi Hana).

Pada tahun 1950, Anggota Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, Setiausaha (Pegawai Perkhidmatan Johor), Penolong Pegawai Kewangan, Merinyu Bangunan, Pengawas Bandaran, Merinyu Kesihatan (6 orang), Merinyu Town Board (2 orang), Penghantar Notis (3 orang), Peon (5 Orang) dan 16 orang kerani.

Sumber hasil daripada cukai harta, lesen perniagaan, permit bangunan, sewa stor, gerai dan cukai basikal.



↑ Pasar Besar Sg. Segget sekitar 1950-an

◀ Jalan Wong Ah Fook sekitar 1950-an



↑ Bandar Johor Bahru sekitar tahun 1960-an



↑ Perhentian bas sekitar tahun 1960-an



MAJLIS PERBANDARAN JOHOR BAHRU (1977 – 1993)

Luas kawasan
119.50 kilometer persegi

Penduduk
247,000 orang (1980), 392,000 orang (1990)

Hasil
\$16,491,100 (1980), RM45,000,000 (1985), RM77,780,000 (1993)

Majlis Tempatan Pandan dan Majlis Tempatan Kangkar Tebrau dimasukkan dalam pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru hasil penyusunan semula penguasa tempatan dalam negeri Johor sebagaimana peruntukan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171).

Jumlah anggota Majlis seramai 2005 orang iaitu 20 orang (Kumpulan A), 47 orang (Kumpulan B), 133 orang (Kumpulan C), 343 orang (Kumpulan D) dan 1,462 orang (Kumpulan IMG)

Lebih 70 peratus hasil Majlis diperolehi daripada kutipan cukai harta berikutan perkembangan sektor hartanah yang mewujudkan sebanyak 8,190 pegangan bercukai.

Pada 5 Oktober 1984, Johor Bahru diisyiharkan sebagai 'Bandar Kembar' Bandar Raya Istanbul hasil lawatan Perdana Menteri Malaysia Tun Dr. Mahathir Mohamed ke Turki.



ASSALAMU ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKAATUH,
BISMILLAAHIR RAHMAANIR RAHIM. ALHAMDU LILLAHHI
RABBIL AALAMIN. WASSOLAATU WASSALAAMU ALAA
SAIYIDINA MUHAMMADIN ASYRAFIL AMBIYAAI
WALMURSALIN. WAALAA AALIHII WASOHBIIH AJMAIIH.

ADALAH DENGAN INI SAYA ISYTHARKAN BAHWA MAJLIS
PERBANDARAN JOHOR BAHRU MULAI HARI INI DAN BUAT
SELAMA-LAMANYA MENJADI SEBUAH BANDARAYA BERNAMA
DAN BERGELAR MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DENGAN
MEMPUNYAI SEGALA TARAF KEBEbasAN DAN HAK ISTIMEWA
YANG TERTENTU BAGI SEBUAH BANDARAYA.

ALLAH PELIHARAKAN SULTAN

Suratcara Pengurniaan Taraf Bandaraya kepada Majlis Perbandaran Johor Bahru oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong IX Sultan Azlan Shah

Titah DYMM Sultan Johor Semasa Perisytiharan Bandaraya Johor Bahru pada 1 Januari 1994



18




Bandar raya Johor Bahru telah dianugerahkan taraf 'bandarraya' pada 1 Januari 1994 setelah memenuhi syarat dan kriteria untuk kenaikan taraf tersebut. MBJB diberi kuasa menerusi Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan beberapa akta lagi untuk melaksanakan tanggungjawabnya. Pentadbiran MBJB diterajui oleh seorang Datuk Bandar serta dibantu oleh 24 orang Ahli Majlis yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.


Pada 1 Januari 2016, menerusi perempadanan semula PBT di daerah Johor Bahru, kawasan pentadbiran MBJB telah diperluaskan menjadikan keluasan keseluruhan adalah 37,559.00 hektar berbanding keluasan sebelumnya iaitu 21,551.40 hektar.



19



PELAN SEMPADAN PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



PELAN SEMPADAN AHLI MAJLIS, MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Jata MBJB



Jata Majlis Bandaraya Johor Bahru menggambarkan tiga ciri utama Johor Bahru iaitu sebagai ibu negeri bagi negeri Johor Darul Ta'zim, pusat perdagangan dan perindustrian, pusat pelancongan serta pusat kebudayaan dan pendidikan. Jata ini mempunyai simbol-simbol yang menjelaskan ciri-ciri utama Majlis Bandaraya Johor Bahru dan peranannya sebagaimana berikut:

Bulan dan Bintang merupakan simbol bagi agama Islam sebagai agama rasmi bagi Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Skrol membawa maksud kepentingan ilmu dan perancangan sebagai asas utama dalam membangunkan Bandar Raya Johor Bahru sebagai sebuah bandar raya bertaraf antarabangsa.

Daun Gambir dan Lada Hitam melambangkan sejarah ekonomi Johor Bahru sebagai pengeluar utama gambir dan lada hitam pada zaman kegemilangannya.

Dua Ekor Harimau membawa maksud keberanian dan ketegasan dari segi perlombagaan dan undang-undang.

Bendera MBJB



Bulan dan Bintang melambangkan Islam sebagai agama rasmi.

Warna Biru melambangkan objektif dan fungsi Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang memberi pelbagai perkhidmatan perbandaran kepada penduduk-penduduk bandar raya. Ia juga melambangkan hasrat dan matlamat untuk menjadikan Johor Bahru, bandar raya yang maju, bersih, indah dan makmur.

Warna Merah melambangkan kemakmuran dan kemajuan bandar raya sebagai pusat pertumbuhan yang utama di Selatan Semenanjung.

Warna Putih melambangkan keharmonian dan perpaduan penduduk-penduduk bandar raya yang berbilang bangsa serta Majlis Bandaraya Johor Bahru sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bersama-sama berganding bahu, menggembung tenaga bagi membangunkan Bandaraya Johor Bahru.

Inai Merah, Bunga Rasmi MBJB



Alat Kebesaran Datuk Bandar MBJB



Cokmar

Diperbuat daripada perak dan disadur dengan emas serta jata pada cokmar adalah saduran daripada emas tulen.

Ia juga diperindah dengan batu permata zamrud dan delima.



Cokmar dibawa oleh seorang petugas sewaktu perarakan Datuk Bandar ke dewan sempena Mesyuarat Penuh MBJB (Full Council) yang diadakan pada setiap bulan.



Kafung

Bentuk daun gambir dan lada hitam serta bunga Inai Merah sebagai bunga rasmi.

Reka bentuknya telah mendapat pandangan terlebih dahulu daripada ahli-ahli majlis dan pegawai MBJB serta ahli tokoh sejarah, Allahyarham Tuan Haji Shahrom Hussin pada Mei 1994.

Digunakan ketika Mesyuarat Penuh MBJB (Full Council).



Jubah

Reka bentuk jubah ini mempunyai empat konsep utama iaitu konsep keislaman, kemelayuan, universal dan kecemerlangan. Warna jubah ialah warna biru diraja (royal blue) yang diambil daripada warna rasmi Majlis Bandaraya Johor Bahru. Ia memperlihatkan simbolik perpaduan dan kerjasama dalam kalangan kakitangan dan penduduk sekitarnya.

Kelepak hadapan dan bawah kaki jubah dihiaskan dengan tenunan motif songket yang dipilih daripada motif corak pagar istana, awan larat berjuang dan daun gambir dan lebar motif songket ini berukuran 5 inci. Warna benang emas bagi sulaman menandakan mutu dan kecemerlangan. Lengan bagi jubah dihias dengan sulaman motif bunga semangat, daun gambir, bunga inai merah, lada hitam, dan awan larat berjuang.





Songkok

Songkok pula diperbuat daripada kain jenis baldu tebal berwarna hitam dengan ukuran tinggi songkok ialah $4\frac{1}{2}$ inci dan ukuran lebar lilitan hiasan ialah $2\frac{1}{2}$ inci. Hiasan bagi lilitan ini menggunakan kain tenun songket yang bermotifkan daun gambir dan lada hitam yang disulam di tengah songkok dan diapit dengan jalur benang emas di sebelah atas dan bawah. Motif corak songketnya terdiri daripada motif bunga inai merah, lada hitam, daun gambir, awan larat berjuang, bunga semangat dan motif pagar istana.






Bangunan MBJB pada waktu malam



Pemandangan sekitar pusat bandar Johor Bahru



Bandar Raya Johor Bahru ketika menjelang malam



Daya Tarikan IKON JOHOR BAHRU




Dataran Bandaraya Johor Bahru

Luhur hasrat pemimpin bestari,
Agenda pembangunan terus dipacu,
Jejak warisan Iskandar Puteri,
Membawa Johor Bahru tinggi di mercu.



GERBANG MAHKOTA ISTANA...terletak di Istana Bukit Serene merupakan mercu tanda ikonik bandar raya Johor Bahru. Ia dibina sebagai simbolik penghargaan DYMM Sultan Johor buat rakyat jelatanya. Konsep penggunaan gading gajah dan mahkota sebagai identiti mercu tanda itu melambangkan keistimewaan negeri Johor dan pengaruh Kesultanan Johor.






DATARAN BANDARAYA....terkenal kerana sebuah menara jam yang menjadi mercu tanda di bandar raya Johor Bahru. Ia dibina sempena perisytiharan Majlis Perbandaran Johor Bahru kepada Majlis Bandaraya Johor Bahru pada tahun 1994. Kompleks dataran ini terdiri daripada sebuah menara jam dan dua buah padang yang sering digunakan untuk aktiviti riadah dan penganjuran program selain kemudahan dua buah skrin gergasi.



Dataran Bandaraya Johor Bahru ketika malam



Dataran Bandaraya di awal pembinaannya




Bangunan pada 2006



Bangunan pada 2008




Dataran Bandaraya kini




Air Pancuran Berirama yang berwarna-warni atau Musical Fountain di Taman Merdeka, Johor Bahru



LAMAN JATA NEGERI JOHOR... Binaan replika berkonsep jata negeri Johor ini terletak di hadapan Mahkamah Tinggi Johor Bahru. Johor merupakan negeri pertama yang mengadakan jata kerajaan yang mana rekaannya adalah sumber ilham daripada Sultan Abu Bakar ketika zaman pemerintahannya dan masih digunakan sehingga kini. Laman tersebut menjadi tarikan pelancongan terutama pada waktu malam melalui pancaran lampu di sekitar taman tersebut.



SKY SCREEN... terletak berhadapan bangunan Majlis Bandaraya Johor Bahru di Jalan Dato' Onn, Johor Bahru. Ia merupakan antara ikon di Johor Bahru dan tarikannya adalah pada waktu malam berupa sinaran lampu berwarna-warni diikuti paparan imej bermuzik yang dipancar melalui struktur binaan besi di atas laluan jalan raya menghala ke pusat bandar.





BAZAR JB... terletak di sepanjang Jalan Tan Hiok Nee, Johor Bahru dan sekitarnya merupakan tarikan utama buat pengunjung di kawasan bandar raya Johor Bahru untuk bersantai dan membeli belah. Ia mula beroperasi pada jam 6.00 petang hingga 2.00 pagi.



Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunos atau dikenali juga sebagai Stadium Larkin sering menjadi tumpuan penyokong pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) berkumpul memberi sokongan luar biasa kepada barisan pemain JDT. Stadium ini boleh memuatkan sehingga 30,000 penonton.



TRIVIA JDT!

Nama Pasukan
Nama Gelaran
Sejarah Penubuhan

: Johor Darul Ta'zim (JDT)

: Harimau Selatan

: 1972 - 1995 PKENJ FC

: 1996 - 2012 Johor FC

: 2013 Darul Takzim FC

: 2014 JDT

: Juara Liga Super 2014, 2015 & 2016

: Juara Piala AFC 2015

: Juara Piala FA 2016

: Juara Piala Sumbangsih 2015 & 2016

Pencapaian



PUSAT LATIHAN TERTUTUP DATO' SULEIMAN MOHD NOOR

Pusat latihan unik ini dibina untuk kemudahan pasukan Johor Darul Ta'zim menjalani sesi latihan bola sepak sebelum menghadapi sesebuah perlawanan. Menariknya, padang latihan di kompleks ini menggunakan rumput sintetik dan dibina dengan menepati piawaian Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) serta dilengkapi dengan pelbagai kemudahan baharu yang dinaiktaraf seperti gimnasium, bilik persalinan, tempat duduk bertingkat penonton dan banyak lagi. Pusat latihan ini terletak di Padang Seri Gelam dan berhampiran dengan bangunan Dataran Bandaraya Johor Bahru.

Pusat Latihan Tertutup JDT ini dinamakan bersempena nama 'bapa' bola sepak negeri Johor iaitu Dato' Suleiman Mohd Noor atas penghargaan terhadap jasanya dalam arena bola sepak negeri Johor.

Pusat latihan ini turut dirasmikan sendiri oleh beliau dan dihadiri oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim pada 21 April 2016.





JDT CAFE...telah dirasmikan pembukaannya oleh Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim pada 1 Jun 2016 yang terletak bersebelahan Pusat Latihan Tertutup Dato' Suleiman Mohd. Noor di Padang Seri Gelam.

Kafe ini menyediakan lebih 20 hidangan makanan tempatan dan barat dan boleh memuatkan kira-kira 100 orang pelanggan.

Daya Tarikan WARISAN BERSEJARAH




Bangunan Sultan Ibrahim

Bangunan Sultan Ibrahim nama diberi,
Mercu tanda di Bukit Timbalan,
Pembangunan holistik kehidupan lestari,
Semua rakyat tidak ketinggalan.



Pemandangan Bangunan Sultan Ibrahim sekitar 1940-an



Bangunan Sultan Ibrahim tersgam indah di atas Bukit Timbalan



Panorama Masjid Sultan Abu Bakar, Masjid Negeri Johor Darul Ta'zim

MASJID SULTAN ABU BAKAR...terletak di Bukit Redan Jalan Skudai kira-kira 2 kilometer dari pusat bandar raya. Lokasinya yang strategik di tepi Selat Tebrau dengan kedudukannya di atas bukit telah menjadikan bangunan ini sebagai mercu tanda Johor Bahru. Masjid ini direkabentuk oleh Haji Mohd. Arif bin Punak manakala jurutera pembinaannya ialah Datuk Yahya bin Awaluddin. Mula dibina pada tahun 1892 atas titah Almarhum Sultan Abu Bakar. Pada hari Jumaat, 2 Februari 1900 masjid ini telah dirasmikan oleh Almarhum Sultan Ibrahim.





Hospital Sultanah Aminah dahulu dan kini



HOSPITAL SULTANAH AMINAH...dibina pada tahun 1938 dengan kos sebanyak \$2.05 juta. Bangunan enam tingkat ini dibina daripada batu-bata merah tanpa lepaan sekali gus menyerlahkan keunikan dan keindahannya yang tersendiri. Konsep reka bentuk dipengaruhi oleh seni bina barat iaitu gaya 'palladian' yang disesuaikan dengan ciri-ciri tempatan.



KILOMETER SIFAR atau 'Zero Mile' di Semenanjung Malaysia terletak berhadapan Pejabat Pos Besar, Johor Bahru. Ia berupa binaan batu yang bertulis 'KM 0' sebagai penanda jarak utama hubungan laluan jalan yang dikira dari Johor Bahru termasuklah Laluan Persekutuan Malaysia 1, Laluan Persekutuan Malaysia 3 dan Laluan Persekutuan Malaysia 5.

Bangunan Dato' Jaafar



Pandangan di dalam Bangunan Dato' Jaafar (Muzium Tokoh)

Bangunan ini merupakan kediaman rasmi Menteri Besar Johor yang pertama iaitu Dato' Jaafar bin Mohammad. Mula dibina pada tahun 1893 di kawasan Bukit Senyum, Johor Bahru dan siap pada 1896. Jurutera yang bertanggungjawab ialah Dato' Yahya bin Shaban Al Dattar. Pada 1920 Kerajaan Johor telah mengambil alih bangunan ini selepas Dato' Jaafar meninggal dunia pada 1919. Pada 1958, bangunan ini dijadikan Maktab Perguruan Bahasa yang pertama. Pejabat Kemajuan Masyarakat (KEMAS) dan Yayasan Warisan Johor juga pernah menggunakan bangunan ini.

Kediaman Menteri Besar Johor Pertama,
Dato' Jaafar Haji Muhammad yang kini dijadikan
Muzium Tokoh



Bangunan Mahkamah Johor Bahru

Merupakan bangunan bersejarah yang penting peranannya di Johor Bahru. Bangunan dua tingkat yang menempatkan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen siap dibina pada tahun 1900 semasa pemerintahan British. Terletak di Jalan Air Molek, keunikan gaya seni binanya menyerlahkan keistimewaan bangunan mahkamah ini sekali gus menjadikannya mercu tanda menarik di bandar raya ini.





BANGUNAN DATO' ABDULLAH JAAFAR (GALERI SENI JOHOR)

Bangunan ini kini dikenali sebagai Galeri Seni Johor. Terletak di Jalan Petrie, bangunan yang didirikan pada tahun 1920-an ini dahulunya ialah rumah kediaman Dato' Abdullah Jaafar, Menteri Besar Johor yang ketiga. Oleh kerana ciri-ciri seni binanya yang menarik, bangunan ini dijadikan tempat pengumpulan dan pameran artifak-artifak bersejarah terutamanya artifak seni dan budaya rakyat negeri Johor.



Bangunan Warisan Johor Bahru turut diabadikan dalam bentuk bingkai potret yang menghiasi tiang jejambat lebuh raya berdekatan Istana Pasir Pelangi Johor Bahru.



Antara bangunan lama di pusat bandar yang direjuvenasi melalui projek pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah bandar bagi mewujudkan sebuah bandar mampan hasil kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Think City.



Maktab Sultan Abu Bakar atau English College merupakan salah sebuah sekolah yang tertua di Johor Bahru dan berterusan melahirkan tokoh-tokoh masyarakat yang disegani.

Antara sekolah yang terawal wujud di Johor Bahru



Kolej Pengajian Islam (MARSAH)



Sekolah Tun Fatimah



SMK Convent



SJK (C) Foon Yew 1



Tarian Zapin kekal menjadi warisan turun-temurun



Walaupun bandar raya Johor Bahru telah mengalami pembangunan dan pemodenan yang sangat pantas, namun begitu nilai sejarah dan keunikan budaya setempat tetap dipertahankan sekali gus memenuhi fungsi pusat bandar sebagai pusat kebudayaan dan warisan.



Variasi kebudayaan dalam tarian pelbagai kaum di Johor Bahru senantiasa diterapkan dalam kalangan generasi muda.



PERSIARAN MUAFAKAT BANGSA JOHOR

Pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan di bandar raya Johor Bahru tidak boleh dijadikan sebab penghalang kepada penjanaan ekonomi yang lebih berdaya saing dengan suntikan nafas baharu terhadap rupa fizikal bangunan tersebut.

Majlis Bandaraya Johor Bahru justeru mengambil inisiatif dengan mewujudkan Persiaran Muafakat Bangsa Johor bagi meraikan semangat bangsa Johor dan kehidupan bermuafakat. Persiaran ini menyaksikan pertembungan identiti pelbagai kaum yang menjadi mercu tanda keharmonian dan muafakat bangsa Johor.

Persiaran ini menempatkan lima (5) buah rumah ibadat yang telah berusia ratusan tahun di sepanjang Jalan Trus, Jalan Duke, Jalan Ungku Puan dan Jalan Gereja. Kewujudan persiaran harmoni ini dilihat bukan sahaja untuk meningkatkan keadaan fizikal sekitar kawasan warisan malah turut mewujudkan produk pelancongan baharu di kawasan bandar raya Johor Bahru.



Masjid India Dato' Ahmad Awang

Terletak di Jalan Duke dan dibina pada tahun 1951 dan bangunan ini berusia 65 tahun.

Pada mulanya ia dikenali sebagai sebuah surau hingga tahun 1970 dan dinaiktaraf sebagai masjid bagi menampung Jemaah India Muslim di Johor Bahru.





Johor Old Ancient Chinese Temple

Terletak di Jalan Trus dan dibina pada tahun 1870-an oleh sekumpulan komuniti Cina yang diketuai oleh Tan Hiok Nee.

Bangunan ini telah berusia 146 tahun.


Tempat berkumpul lima puak kaum Cina yang berbeza bagi tujuan beribadat.



Sri Raja Mariamman Temple

Terletak di Jalan Ungku Puan dan Jalan Trus. Kuil asal dibina pada tahun 1911 dan bangunan ini telah berusia 105 tahun.

Merupakan salah sebuah kuil Hindu yang utama di Johor Bahru.





Sikh Gurdwara Sahib

Terletak di Jalan Trus dan berusia kira-kira 100 tahun.

Pada tahun 1916, kaum Sikh yang bekerja sebagai polis dan pegawai Sultan Johor pada masa itu memohon sebidang tanah bagi tujuan membina Gurdwara.



The Vicar Church of Immaculate Conception

Merupakan gereja tertua di Johor Bahru dan berusia kira-kira 133 tahun.

Terletak di Jalan Gereja dan gereja asal dibina pada tahun 1883 dan dinamakan sebagai 'Our Lady of Lourdes', sebelum dibina sekali lagi pada tahun 1927 oleh Rev. Fr. C. Salleilles.

Warga bandar raya yang berbilang bangsa meraikan pelbagai perayaan yang menjadi tarikan saban tahun. Antara sambutan utama seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Raya Aidiladha dan Maulidur Rasul. Masyarakat Tionghua pula menyambut perayaan chingay setiap tahun dengan berarak di Jalan Wong Ah Fook di pusat bandar Johor Bahru.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri Muafakat Johor yang telah diadakan pada 22 Julai 2016




Sambutan Maulidur Rasul SAW



Sambutan Malam Cinta Allah dan Rasul di Dataran Bandaraya Johor Bahru



Perayaan Tahun Baru Cina



Perarakan Pesta Chingay oleh masyarakat Tionghua

Daya Tarikan REKREASI



Sambutan Hari Deepavali oleh masyarakat India



Meningkat usaha mengawal sesia,
Bersatu warga memberi khidmat,
Jujur berbakti amalan musia,
Bersama membina bandar raya selamat.

Perancangan pembangunan fizikal bandar raya Johor Bahru turut mengambil kira keseimbangan antara struktur konkrit dan keseimbangan alam sekitar yang menjadi ciri penting dalam mewujudkan sebuah bandar yang berdaya huni.

Selain itu, kewujudan pusat-pusat rekreasi yang berbentuk hiburan dan santai juga menambah nilai kualiti hidup warga bandar raya Johor Bahru dari aspek kesihatan rohani dan jasmani.



Hutan Bandar Johor Bahru



Tarikan landskap menarik di pejabat cawangan Majlis Bandaraya Johor Bahru di Hutan Bandar



HUTAN BANDAR...berkonsepkan 'Taman Rekreasi Keluarga' dalam suasana alam semulajadi yang nyaman, selesa dan harmoni, serta kemudahan rekreasi dan riadah untuk orang ramai. Ia meliputi kawasan seluas 50 ekar yang terletak di pertemuan Jalan Tasek Utara dan Jalan Yahya Awal, Johor Bahru iaitu kira-kira 1.5 km dari pusat bandar raya. Konsep perancangan dan rekabentuk berteraskan struktur topografi, sumber air, flora dan fauna yang diadun dengan ruang-ruang aktiviti serta kemudahan secara bersepadu, mula diilhamkan pembangunannya sejak tahun 1987.



Rumah Johor di Hutan Bandar

Salah satu komponen dalam pembangunan Hutan Bandar ialah Rumah Johor. Pembinaan rumah ini adalah sebagai simbolik kepada rumah tradisional yang dikenali sebagai Rumah Limas Johor dan landskap yang lazimnya terdapat pada rumah tradisi Melayu Johor.

Keindahan senibina dan falsafah di sebalik reka bentuk rumah ini menggambarkan ketinggian intelektual generasi terdahulu dalam mengadun keperluan ruang dan keadaan persekitaran.



TAMAN ORKID... terletak dalam kawasan Hutan Bandar dan mula dibuka kepada orang ramai pada pertengahan tahun 2003 dan mempamerkan lebih 100 spesis orkid komersial dan orkid liar. Taman ini bertemakan 'Pameran Ekologi Orkid' meliputi kawasan seluas lebih 10 ekar di bangunan yang menggabungkan reka bentuk senibina lestari yang berkonsepkan 'mesra alam' dan 'terbuka'.

Pelbagai jenis orkid seperti orkid liar dan spesis orkid komersial memenuhi ruang pameran taman ini antaranya Aranda, Aranthera, Cattleya, Coelogynne, Oncidium, Renanthera dan lain-lain lagi.





JEWEL HOUSE

Pelbagai hibrid orkid yang istimewa yang dikenali sebagai 'Royal Orchids' boleh dilihat di 'Jewel House' yang menempatkan orkid yang diberi nama sempena kerabat diraja dan orang kenamaan iaitu Aranda Iskandar of Johor, Renacentrum Sultanah Zanariah, Vanda Abdullah Badawi, Ascocenda Abdul Ghani Othman, Vanda Dr. Siti Hasmah, Renantanda Tuanku Bainun dan Renantanda Dr. Jamilah.



TAMAN MERDEKA...merupakan salah sebuah pusat riadah dan rekreasi kepada para pengunjung di Johor Bahru. Binaannya di atas sebuah tasik berkonsepkan sejarah kemerdekaan negara Malaysia seperti Laman Jepun, Kesultanan Melayu Johor, dan sebagainya. Di sini terdapat juga Musical Fountain yang menjadi tarikan seisi keluarga, kemudahan tempat bersenam, trek jogging dan lain-lain lagi.





Antara kemudahan yang disediakan kepada orang awam



ZOO JOHOR... telah ditubuhkan pada tahun 1928 oleh DYMM Almarhum Sultan Sir Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Sir Abu Bakar kerana minat baginda yang sayang akan haiwan. Pada awalnya, baginda telah menamakan zoo ini dengan nama 'Kebun Binatang' dan dipercayai bahawa kewujudan zoo ini adalah yang pertama di Asia. Keluasan Zoo Johor adalah kira-kira 12.5 ekar dan terletak satu kilometer dari pusat bandar Johor Bahru.



LAMAN TASIK PANDAN...

terletak di Taman Desa Harmoni, Johor Bahru. Ia merupakan sebuah tasik yang berkeluasan lebih daripada 10 ekar dan dilengkapi dengan peralatan gimnasiun, sebuah padang permainan untuk kanak-kanak dan sebuah trek jogging.



ZOO JOHOR
pernah dikenali
dengan nama
'Kebun Binatang'
pada awal
penubuhannya


Penerapan amalan gaya hidup sihat sentiasa diterapkan dalam memastikan kesejahteraan masyarakat Johor Bahru dalam aspek fizikal dan mental.




Riadah dan Rekreasi



Pantai Stulang Laut, Johor Bahru



98



Sungai Sebulung

Sungai Sebulung merupakan anak sungai bagi kawasan taudahan lembangan Sungai Tebrau dengan kepanjangan alirannya sejauh lima kilometer.

Projek pemuliharaan sungai ini melalui aplikasi bioteknologi EM mendapat kerjasama penuh daripada penduduk setempat dan menjadi tumpuan pengunjung dari dalam dan luar negara.



99




ANGRY BIRDS ACTIVITY PARK JOHOR BAHRU



Pusat Santai Seisi Keluarga

Tidak meminggirkan keperluan warga cilik bandar raya Johor Bahru, beberapa taman tema yang sesuai dikunjungi seisi keluarga turut diperkenalkan. Selain berfungsi sebagai tempat hiburan, taman tema ini juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.





MURAL DI PUSAT BANDAR JOHOR BAHRU

Pusat Bandar Raya Johor Bahru telah direjuvenasi dengan mural yang berwarna-warni dan berseni.

Ciri-ciri setempat diabadikan dan diolah menjadi karya yang unik dan tersendiri.

Elemen seni kreatif berkonsepkan patriotisme yang diterapkan dalam mural





104



Projek lukisan mural ini dicetuskan dengan kerjasama kerajaan Johor dan syarikat PETRONAS bagi menceriakan dinding-dinding bangunan warisan yang bakal menjadi khazanah bernilai di sekitar pusat bandar Johor Bahru

Daya Tarikan PUSAT MEMBELI-BELAH



Waktu petang pergi memburu,
Memburu rusa dalam hutan,
Selamat datang ke Johor Bahru,
Bandar raya kebanggaan selatan.


105

Sektor perdagangan dan peruncitan berkembang pesat di bandar raya Johor Bahru kerana kuasa beli masyarakat setempat yang baik selain menjadi tumpuan warga Singapura membeli-belah.


Kewujudan pusat membeli-belah ini turut menjadi suatu tarikan kepada para pelancong yang berkunjung ke bandar raya ini kerana menyediakan pelbagai pilihan barang berjenama dari dalam dan luar negara.

PLAZA ANGSANA JOHOR BAHRU...atau dikenali sebagai Angsana Johor Bahru Mall merupakan sebuah kompleks membeli-belah yang dimiliki oleh Syarikat UDA Mall Sdn Bhd, dalam kumpulan UDA Holdings Berhad. Lokasinya yang strategik di Jalan Skudai Tampoi,Johor Bahru menggalakkan kehadiran orang ramai dalam kalangan warga Johor Bahru serta warga Singapura untuk berbelanja dan bersantai bersama seisi keluarga.





Kompleks Tun Abdul Razak...atau lebih dikenali dengan nama KOMTAR JBCC merupakan antara pusat membeli-belah yang terletak di pusat bandar Johor Bahru. Kompleks ini bersebelahan dengan pusat membeli-belah popular, City Square Johor Bahru dan menempatkan aneka kafe dan restoran francais di samping pelbagai butik fesyen dan perhiasan diri berjenama tempatan dan antarabangsa. Kompleks ini juga menempatkan Taman Tema Angry Bird (indoor) yang pertama di Asia Tenggara.





Pusat membeli-belah popular City Square, Johor Bahru di Jalan Wong Ah Fook



Selera Bangsa Johor




Berkunjung ke Johor Bahru tidak lengkap jika tidak menikmati hidangan popular yang menjadi kebanggaan warga bandar raya.


Hidangan yang sinonim dengan negeri Johor seperti Laksa Johor, Nasi Ambeng, Murtabak, Kacang Pool,Nasi Beriani, Kambing Kuzi, Mi Bandung, Mi Rebus dan lain-lain sangat membuka selera dan menjadi identiti tersendiri negeri Johor dan boleh didapati di Johor Bahru.



Kacang Pool merupakan hidangan roti yang dimakan bersama kuah dan sangat enak dimakan ketika masih panas. Kuah Kacang Pool ini dimasak dengan daging cincang untuk menambah kepekatananya sebelum dihias dengan hirisani bawang, lada benggala, dan telur mata lembu dan dinikmati bersama roti tebal istimewa yang disapu dengan marjerin.



Penggemar-penggemar roti khususnya mereka yang bekerja dan mencari rezeki di sekitar pusat bandar Johor Bahru pasti kenal dengan Kedai Roti Salahudin yang terletak di Jalan Dhobi, yang berdekatan dengan Masjid India. Selama 80 tahun kedai tersebut beroperasi, Encik Salahudin Khan bin Samsul Haq merupakan generasi ketiga yang mewarisi perniagaan tersebut yang dimulakan oleh datuknya Mohamad Sharif Khan Bin Ma'qu yang berasal dari New Delhi, India. Keistimewaan roti-roti yang terdapat di sini adalah melalui kaedah penyediaannya yang masih mengekalkan cara lama iaitu dengan menggunakan dapur kayu dan menjadikan roti-roti yang dibakar lebih harum.



Roti yang dibakar dengan menggunakan dapur kayu menjadikan bau roti lebih harum dan lebih enak dimakan begitu sahaja.



116

Jika anda ke Johor Bahru, keenakan rasa otak-otak ini boleh dirasai di kebanyakan gerai makanan atau medan selera di Johor Bahru. Hal ini kerana makanan tradisi ini sangat popular disediakan sebagai salah satu hidangan makanan ringan masyarakat di negeri ini.



Otak-otak merupakan sejenis makanan ringan yang menggunakan isi ikan asli yang digaul bersama campuran berempah seperti bawang merah, bawang putih, kunyit, serai, santan dan lada. Campuran ini kemudian dibungkus sama ada di dalam daun kelapa, daun nipah, daun pisang atau daun pandan yang kemudian dibakar di atas bara api.

Sate...antara menu makanan ringan popular yang menjadi pilihan masyarakat Johor. Variasi hidangan sate yang sentiasa menjadi pilihan ialah sate ayam, sate lembu dan sate babat (perut lembu).



117



Medan Selera Atap Belian milik Majlis Bandaraya Johor Bahru di Hutan Bandar menyajikan aneka makanan dan minuman yang menambat selera pengunjung. Pelbagai juadah tradisi Johor juga boleh didapati di sini.



Cendol Durian



Teh 'Gelek'



Ais Kacang

Nasi Beriani

Nasi Beriani ialah hidangan istimewa terutama di majlis-majlis perkahwinan dan majlis rasmi lainnya. Nasi ini biasanya dihidangkan dengan aneka lauk-pauk termasuk ayam masak merah, daging lembu dan kambing dimasak rempah, dalca dan acar buah.





Menu Nasi Arab yang turut menjadi antara hidangan pilihan bangsa Johor



Laksa Johor



Soto Nasi




Mi Bandung

Antara hidangan wajib cuba bagi pengunjung yang datang dari luar negeri Johor yang berkunjung ke Johor Bahru.



122

Wajah baharu... Selera Johor senantiasa menjadi tarikan pengunjung terutamanya melalui hidangan pelbagai jenis makanan dan minuman yang segar. Medan ini dahulunya dikenali dengan nama Plaza Larkin.



123



NASI AMBENG...merupakan sajian etnik Jawa yang sangat digemari warga bandar raya dan lazimnya dihidang di dalam dulang. Padanan nasi putih bersama lauk ayam atau daging, mi, serunding kelapa, sambal goreng dan ikan masin bulu ayam sungguh menyelerakan.



'Syurga' bagi penggemar makanan laut. Pelbagai jenis makanan laut segar boleh didapati di sini.

Masakan yang lazat dan suasana yang nyaman dengan tiupan bayu laut menambah selera pengunjung.



Menjadi destinasi pilihan pengunjung di Johor Bahru.


Bagi yang gemarkan makanan berempah dan pedas, aneka pilihan masakan masyarakat India yang berdasarkan kari boleh dinikmati di sekitar Johor Bahru.




Antara kuih-muih tradisi masyarakat India di Johor Bahru



Sajian popular masyarakat India ialah menu nasi putih daun pisang beserta lauk-pauk yang istimewa iaitu acar, ikan goreng, kari ayam, kari kambing, kari kepala ikan, sambal sotong, ayam masala dan kambing masala.



Keunikan restoran makanan India di Johor Bahru





Antara sajian makanan masyarakat India yang menggunakan rempah ratus enak yang menjadi warisan turun-temurun.



Mi Sup Wantan

Bagi penggemar makanan Cina, sajian makanan bangsa ini juga boleh didapati di Johor Bahru. Antara hidangan istimewanya ialah dim sum, popia (spring roll), kuetiau, chee cheong fan, yong tau foo, nasi ayam, bubur, o'chian (tiram goreng), steam boat dan aneka mi.



Tofu Thai




Nasi Goreng Kampung ala Cina

Makanan barat (western food) turut menjadi pilihan utama masyarakat dan boleh didapati di Johor Bahru. Hidangan stik yang sangat digemari ialah beef steak, chicken chop, lamb chop, fish and chips, pizza dan burger bakar. Tarikan makanan ini adalah berbeza di suatu tempat dengan tempat yang lain mengikut selera penggemarnya.



Keenakan sajian ini boleh dirasai di restoran popular Johor Bahru antaranya di Projek Maging Steakhub, Bigfood Nongchik Heights, Fork & Dagger dan banyak lagi.



Hidangan stik merupakan sepotong daging yang dipanggang dan dihidangkan dengan sos lada hitam, salad, mayonis dan sebagainya.




Pizza ialah sejenis makanan yang diperbuat daripada doh dengan campuran berempah sos tomato, daging, keju dan lain-lain.



Hidangan burger bakar turut menjadi menu makanan barat yang popular di Johor Bahru.



Penginapan Dan Hospitaliti



Sektor pelancongan merupakan antara penyumbang utama kepada perkembangan ekonomi Johor. Dari tahun ke tahun, kemasukan pelancong ke negeri ini semakin meningkat dan kerajaan negeri telah mengambil langkah proaktif dalam mempromosi dan merangka insentif untuk menggalakkan kemasukan pelancong.

Kerancakan industri pelancongan di bandar raya Johor Bahru pula disokong oleh pengusaha perhotelan yang menyediakan kemudahan penginapan yang pelbagai daripada kategori hotel bajet sehingga hotel bertaraf lima bintang.



Hotel Grand Paragon



The Puteri Pacific Hotel



138



Hotel Grand Bluewave



139




Thistle Hotel

Berjaya Waterfront Hotel





Hotel Mutiara



Holiday Villa





Double Tree by Hilton Johor Bahru



KSL Hotel & Resort



Institusi Kewangan & Pusat Ekonomi



PERSADA Convention Centre, JOHOR BAHRU

Ketersediaan dewan-dewan berkapasiti tinggi dengan kemudahan sokongan yang baik bagi penganjuran konvensyen, persidangan, seminar, dan acara-acara korporat turut menjadikan bandar raya Johor Bahru sebagai pakej lengkap serta destinasi pilihan untuk penganjuran acara-acara berprestij.



Institusi kewangan memainkan peranan penting dalam perkembangan ekonomi dalam sesebuah negeri kerana institusi tersebut mempengaruhi pelaburan guna tenaga keluaran dan pendapatan.

Pembukaan institusi kewangan dalam kawasan bandar raya Johor Bahru membolehkan sektor ekonomi berkembang dan menggalakkan sektor-sektor utama yang mempunyai kepentingan strategik kepada negeri secara amnya seperti sektor pertanian, perusahaan kecil dan sederhana, infrastruktur, sektor berorientasikan eksport serta industri berintensif modal dan berteknologi tinggi.

Selain itu, institusi berkaitan tenaga kerja seperti Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) juga terdapat di bandar raya Johor Bahru sekali gus memberi kemudahan kepada para pelabur untuk berurusan.



Bank Negara Malaysia



Bangunan
Lembaga Tabung Haji

150



Bangunan Kumpulan Wang
Simpanan Pekerja (KWSP)

151



Lembaga Hasil Dalam
Negeri (LHDN)

152



Menara Kastam Johor

153



Bangunan Pertubuhan Keselamatan Sosial
(PERKESO)

154



Menara Ansar

Menara Ansar menyediakan tempat berurus dan menjalankan perniagaan di bawah satu bumbung. Beberapa agensi berkaitan juga terdapat dalam bangunan ini seterusnya menampilkan kawasan bandar raya Johor Bahru mempunyai jaringan hubungan dan kebolehcapaian yang sangat baik dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih efisien kepada warga Johor Bahru.

155



CIMB Bank



Hong Leong Bank



HSBC Bank



Bank Islam



AmBank



Maybank



Bank Muamalat



Affin Bank


Ekonomi bandar raya Johor Bahru turut menggalakkan perkembangan pengusaha dan penjaja kecil menerusi penganjuran pasar tani, bazar, gerai kecil dan lain-lain lagi yang dilihat mampu menjana pendapatan di samping menjadi salah satu destinasi yang menarik untuk dikunjungi oleh pengunjung yang melancong ke Johor Bahru.



Larkin Sentral tidak hanya menyediakan kemudahan perkhidmatan pengangkutan bas dan teksi, malah turut menyediakan kemudahan pasar awam, medan selera, kedai runcit dan kedai menjual pakaian dan perkakasan rumah.



PELAN TABURAN INDUSTRI MBJB



Terdapat 32 buah kawasan perindustrian utama dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB).

Keluasan tersebut ialah 5,237.97 ekar iaitu meliputi kira-kira 90% daripada kawasan perindustrian di MBJB dan 17.61% daripada keluasan perindustrian tersebut adalah di Wilayah Pembangunan Iskandar.



BIL	KAWASAN PERINDUSTRIAN (K.P)
1.	K.P BERJAYA
2.	K.P MAJU JAYA 1
3.	K.P MAJU JAYA 2
4.	K.P RINGAN PULAI
5.	K.P TAMPOI 2 (JLN. HASIL/JLN.BAYU)
6.	K.P TAMAN GEMBIRA
7.	K.P DEWANI
8.	K.P SRI PURNAMA
9.	K.P KOTA PUTERI
10.	K.P TAMPOI 1 (JLN. TAMPOI)
11.	K.P TAMPOI 3 (MAJIDEE)
12.	K.P DATO ONN (LARKIN)
13.	K.P TEBRAU 1
14.	K.P TEBRAU 2
15.	K.P TEBRAU 3
16.	K.P TEBRAU 4
17.	K.P BATU 7 1/2 PANDAN
18.	K.P MOUNT AUSTIN
19.	K.P BUKIT MEWAH
20.	K.P TAMAN JOHOR
21.	K.P JOHOR JAYA
22.	K.P PERMAS JAYA
23.	K.P DESA PLENTONG
KAWASAN PERINDUSTRIAN BARU	
24.	K.P DESA JAYA
25.	K.P TIRAM UTAMA
26.	K.P GEMILANG
27.	K.P TIRAM
28.	K.P DESA CEMERLANG
29.	K.P TIRAM SEJAHTERA
30.	K.P TROPICA
31.	K.P SRI PLENTONG
32.	K.P PLENTONG



Kawasan Perindustrian di Johor Bahru



Kilang Kenwood



Kilang Zara Food



170

Pusat Perniagaan Nongchik Heights



171

Pusat Komersil Nongchik Riverside



Transformasi Johor Bahru

Johor Bahru Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari



Ujung Tanah nama gelarannya,
Selatan semenanjung letak duduknya,
Maju rakyat kerana pemimpinnya,
Maju bandar raya kerana perancangannya.

Sejajar dengan Visi MBJB ke arah Bandar Raya Bertaraf Antarabangsa, Berbudaya dan Lestari, pelbagai bentuk pembangunan telah dirangka bagi meletakkan bandar raya Johor Bahru setaraf dengan bandar-bandar utama di dunia.

Projek-projek berprofil tinggi dan sofistikated telah dilancarkan oleh pihak kerajaan bagi memetakan Johor Bahru sebagai sebuah pusat perekonomian yang unggul.

Komitmen dan kerjasama yang ditunjukkan antara kerajaan negeri dan Majlis Bandaraya Johor Bahru diharapkan menjadi titik tolak kepada transformasi bandar raya Johor Bahru.

Apa yang pasti, pembangunan yang sedang berlaku kini akan mengubah landskap Johor Bahru secara keseluruhannya pada masa akan datang.



THE ASTAKA @ 1 BUKIT SENYUM





COUNTRY GARDEN, DANGA BAY

Country Garden merupakan antara projek pembangunan pesisir pantai berimpak tinggi di Johor Bahru.



R & F PRINCESS COVE, TANJUNG PUTERI



TROPICANA DANGA BAY, JOHOR BAHRU





180



CORONATION SQUARE &
IBRAHIM INTERNATIONAL BUSINESS DISTRICT (IIBD)



181



PROJEK PEMBANGUNAN VIESFIELD



Rehabilitasi Sungai Segget melalui projek pengindahan Sungai Segget





PEDESTRIAN BRIDGES



Pengindahan dan baik pulih antara bangunan lama yang diberi nafas baru dan menjadi antara daya tarikan pelancong.



Sekalung Budi

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi menjayakan penerbitan buku ini. Tanpa sokongan, komitmen dan kerjasama yang padu, tidak mungkin penerbitan buku ini berjaya direalisasikan dengan jayanya. Terima kasih...

- **YAB Menteri Besar Johor**
- **YB Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
- **Semua Ketua Jabatan dan Bahagian, MBBJ**
- **Sidang Jawatankuasa Editorial Penerbitan**
- **Tuan Haji Kamdi bin Kamil, Yayasan Warisan Johor**
- **Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor**
- **The Edge Property**
- **Agenzi Perhotelan dan Hospitaliti, Johor Bahru**
- **Pengusaha pusat komersial dan membeli-belah, Johor Bahru**
- **Pengusaha restoran makanan Melayu, Cina dan India, Johor Bahru**
- **Pengusaha perkilangan dan perindustrian, Johor Bahru**
- **Tetuan Projek Pembangunan Berimpak Tinggi, Johor Bahru**

Sidang Editorial

Penaung

YAB Dato' Mohamed Khaled bin Nordin
Menteri Besar Johor

Penasihat

Datuk Haji Abd Latif bin Haji Bandi
Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Pengerusi

Tuan Haji A. Rahim bin Haji Nin
Datuk Bandar Johor Bahru

Ketua Penyelaras Projek

Haji Azmi bin Haji Miswan

Ketua Pengarang

Abdul Hafiedz bin Abdul Ghazali

Pengarang

Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat

Editor

Haji Kamdi bin Kamil
(Yayasan Warisan Johor)

Jurufoto

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof
Idris bin Mohd Amin

Jawatankuasa Panel

Tengku Tarmizi bin Tengku Aziz
Mazlifah binti Isa
Norbaizura binti Mohd Zin
Norhafizah binti Ahamad
Muhammad Faiz bin Abd. Razak
Muhammad Shafee bin Muhtasham
Radhiah binti Haji Sutan Ibrahim
Nur Afiqah binti Mohd Rashid
Ahmad Fauzi bin Ahmad Puad
Khairunnadia binti Kamarudin
Muhammad Fadzil bin Mohd. Zakir
Mohd Faizal bin Hassan

Autograf